

HADIAH SASTERA SINGAPURA 2008

Pengenalan

Hadiah Sastera Singapura dianjurkan oleh Majlis Pembangunan Buku Kebangsaan Singapura (NBDCS) dan ditaja oleh Majlis Seni Kebangsaan (NAC). Peraduan yang diadakan setiap dua tahun sekali ini bertujuan mencapai matlamat-matlamat berikut:

- untuk menggalak perkembangan kesusasteraan bakat Singapura dengan memberi pengiktirafan sewajarnya kepada karya-karya yang diterbitkan oleh penulis-penulis Singapura dalam salah satu daripada empat bahasa rasmi: Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil.
- untuk merangsang minat dan sokongan untuk tulisan kreatif di Singapura.

1. SYARAT DAN PERATURAN

1.1 Kelayakan

Peraduan ini dibuka kepada semua warga dan penduduk tetap Singapura berumur 18 tahun ke atas.

1.2 Kategori

Peraduan ini adalah untuk karya cereka, iaitu novel, cerpen, dan puisi yang diterbitkan di Singapura atau luar negara antara Januari 2006 dan Disember 2007.

1.3 Subjek dan Tema

Penyertaan karya-karya boleh dalam apa jua subjek dan tema.

1.4 Bahasa

Karya-karya yang disertakan dalam setiap kategori mesti ditulis dalam salah satu bahasa rasmi: Cina, Inggeris, Melayu dan Tamil.

1.5 Keaslian

- (a) Setiap penyertaan mestilah karya asli yang ditulis oleh peserta.
- (b) Peserta mestilah merupakan satu-satunya penulis karya penyertaan tersebut.
- (c) Hanya karya yang telah diterbitkan akan diterima. Untuk layak, buku-buku mesti diterbitkan dalam bentuk cetakan untuk penyiaran komersil.
- (d) Dalam keadaan tertentu, para pengadil boleh setuju untuk menimbang karya-karya terbitan sendiri. Sedemikian terletak sepenuhnya kepada pertimbangan para pengadil dan keizinan para penganjur.

1.6 Panjang Tulisan

- (a) Cerpen
Setiap penyertaan sekurang-kurangnya mengandungi enam buah cerita dengan jumlah minima 100 muka surat.
- (b) Novel
Setiap penyertaan sekurang-kurangnya 30,000 perkataan.
- (c) Puisi/Sajak
Tiada had minima panjang untuk puisi/sajak atau koleksi puisi/sajak. Bagaimanapun, puisi/sajak mestilah, pada pendapat para pengadil, karya yang memadai.

1.7 Bilangan Penyertaan

- (a) Setiap peserta boleh menghantar lebih dari satu penyertaan untuk peraduan ini asalkan ia merupakan karya-karya yang berlainan dan bukan perubahan pada karya yang sama.
- (b) Karya yang sama tidak harus dihantar dalam lebih dari satu bahasa.
- (c) Borang penyertaan rasmi mesti dilampirkan bersama setiap karya yang dihantar. Sila sertakan enam salingan untuk setiap karya.
- (d) Penyertaan boleh dihantar oleh penulis atau penerbit.

1.8 Pilihan

- (a) Setiap kategori bahasa akan mempunyai sekurang-kurangnya tiga ahli pengadil.